

K2

MENYELAMI HIDUP ANDA

KOSMO
25/08/2018
M/S 21

NO
PICKING



STRAWBERI KAMPUNG JAYA BAKTI

> Lihat muka 22 & 23



Oleh **TAUFIK SALIMIN**
 Foto **MOHAMAD GUSTIE NOORAMBIA**
**RENCANA
 UTAMA**

Buah strawberi kecil tapi rasanya manis

BERBUDI kepada tanah, pasti mendapat hasilnya. Itulah perumpamaan yang tepat bagi menggambarkan kegigihan **Muhammad Hossen Ediwi**, 62, yang menjadi penduduk pertama Kampung Jaya Bakti, di Kuching, Sarawak menanam pokok strawberi sehingga pokok buah yang kaya dengan vitamin C itu hidup subur.

Percaturannya tidak pernah silap biarpun pada awalnya, beliau hanya mahu bereksperimentasi. Secara asasnya, pokok strawberi memang agak sukar hidup di tanah kering dan berpasir.

Daripada dua anak pokok yang dibeli sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) di

musim berbuah tetapi tunggulah sekitar penghujung tahun nanti, pasti akan berbuah lebat sama seperti yang saya tanam di rumah sebelum ini," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di rumahnya di kampung berkenaan.

Kampung Jaya Bakti di Matang terletak dalam zon perkampungan dengan jarak sekitar 35 kilometer ke bandar raya Kuching. Kampung ini menjadi batu sempadan antara


**MUHAMMAD
 HOSSEN**


Khabar Negeri


PENGUNJUNG mengambil kesempatan membeli produk yang diperbuat menggunakan strawberi.

Rambungan.

Bercerita mengenai ladang yang diberi nama Jentayu Strawberry Farm, ia mula diusahakannya pada penghujung tahun lalu hasil

sehingga berbuah. Malah, ia telah menarik perhatian kawan-kawan sehingga ada yang sanggup datang ke rumah semata-mata mahu melihat sendiri ladang

WALAUPUN bersaiz kecil, strawberi yang ditanam di Jentayu Strawberry Farm mempunyai rasa yang manis.

Jentayu Strawberry Farm menjadi perintis kepada pembentukan kampung pelancongan

pelancongan terbaharu berasaskan produk strawberi di Sarawak.

Pelancongan (MARA) di Muara Tuang, Kota Samarahan penghujung tahun 2015, kini beliau sudah mempunyai 7,000 pokok strawberi.

“Pemandangannya nanti mesti lagi cantik kerana ada warna hijau daripada pokok dan warna merah buah strawberi.

“Sekarang ini belum

atau sempadan antara daerah Kuching dengan Lundu.

Majoriti penduduk Kampung Jaya Bakti bekerja sebagai nelayan kerana lokasi kampung itu yang berdekatan dengan sungai dan laut. Malah, ia juga menjadi laluan penghubung ke Pekan Lundu dengan menaiki feri dari

penghujung tahun lalu hasil idea arwah isterinya, Hasnah Pausul yang teruja selepas melihat pokok strawberi yang ditanam di rumah mereka tiga tahun lalu berbuah.

“Saya bermula dengan hanya menanam empat pokok di rumah yang dibeli dengan harga RM30 setiap satu.

“Entah macam mana, pokok itu hidup subur

manu meinat sendiri pokok strawberi ini hidup subur,” katanya menceritakan detik permulaan penanaman strawberi.

Sejak itu, arwah isterinya mencadangkan agar mengusahakan ladang strawberi di tanah seluas 0.4 hektar yang terletak kira-kira 50 meter di depan rumah mereka.

Namun, ketentuan takdir merubah segalanya apabila

JENTAYU Strawberry Farm
sudah menerima kehadiran
lebih 500 pengunjung walaupun
baru sebulan dibuka.

SEBAHAGIAN daripada pokok strawberi yang tumbuh subur di ladang milik Muhammad Hossen.



KOSMO 25/08/2018 MS 23

INFO Ladang

- Kampung Jaya Bakti terletak di Matang dengan berpanoramakan gunung-ganang dan sungai.
- Selain Melayu, terdapat juga kaum Iban dan Bidayah yang tinggal berdekatan kampung itu
- Jentayu Strawberry Farm, Kampung Jaya Bakti, 93050 Kuching, Sarawak
- Telefon: 019-856 7558
- Lokasinya terletak berhampiran Pusat Hidupan Liar, Matang
- Boleh diakses dengan jalan darat dari Kuching sekitar 35km atau 40 minit perjalanan
- Berdekatan dengan lokasi pelancongan popular, Telaga Air

impian isterinya untuk melihat ladang itu tidak kesampaian apabila Hasnah meninggal dunia awal tahun ini akibat kanser rahim.

Berbekalkan semangat bagi memenuhi impian arwah isterinya, Muhammad Hossen meneruskan usaha membuka ladang strawberi tersebut.

Bermodalkan RM100,000 hasil simpanan sendiri selain pinjaman bank, impian untuk memiliki sebuah ladang strawberi direalisasikan pada penghujung tahun 2017.

Penjagaan

"Ladang ini dalam proses akhir untuk siap sepenuhnya, hanya tinggal dewan besar yang boleh digunakan untuk majlis perkahwinan atau apa sahaja acara yang belum siap.

"Alhamdulillah, sejak mula dibuka kepada orang ramai kira-kira sebulan lalu, lebih 500 pengunjung sudah datang ke sini," jelasnya.

Kini katanya, ladang itu mempunyai 7,000 pokok strawberi yang tumbuh menghijau dan sedang dalam proses mengeluarkan buah.

Bapa kepada tiga cahaya mata itu menjelaskan, meskipun saiz buahnya lebih kecil berbanding di Cameron Highlands, Pahang, namun rasanya lebih manis.

Tambahnya lagi, disebabkan cuaca di Kuching agak panas, kaedah penjagaan pokok sangat penting.



AISKRIM strawberi turut dijual kepada pengunjung.

Pokok-pokok strawberi akan dibiarkan menerima cahaya matahari dari pukul 7 pagi sehingga 11 pagi sahaja sebelum ditutup dengan kain jaring bagi meminimumkan pencahayaan terhadap pokok itu.

Setiap pokok juga perlu menerima air yang cukup untuk memastikan tanah dalam pasu sentiasa lembap.

Tambahan pula, akarnya perlu sejuk supaya ia dapat berfungsi dengan baik dalam memastikan kualiti rasa pada buah itu terjamin.

"Dalam sehari, saya akan menyiram sebanyak dua kali iaitu pagi dan petang menggunakan kaedah sistem drip," katanya.

Bagaimanapun, ketika ini, Jentayu Strawberry Farm tidak menjual buah-buah

strawberi tersebut kepada pengunjung. Bagaimanapun, pihaknya ada menjual pokok-pokok strawberi untuk ditanam di rumah. Mengulas lanjut, Muhammad Hossen memberitahu, tujuan asal dia membuka ladang strawberi tersebut adalah untuk menggalakkan penduduk kampung dan mereka yang tinggal di sekitar Kuching menanam pokok strawberi.

Katanya, beliau mahukan penduduk kampung bersamasama mengusahakan ladang strawberi sekali gus menjadikan Kampung Jaya Bakti sebagai lokasi pelancongan setaraf dengan Cameron Highlands.

Beliau berhasrat untuk menjadi pembekal anak-anak pokok strawberi dan mengimpikan sebuah perkampungan strawberi jika ia ditanam secara beramai-ramai oleh penduduk kampung.

Produk pelancongan

"Apabila kampung ini menjadi seperti di Cameron Highlands, kita boleh berbangga dengan pencapaian ini kerana kemampuan penduduk mengusahakan ladang strawberi yang boleh dijadikan sebagai salah satu tempat pelancongan baharu di Sarawak," ujarinya.

Selain mengusahakan strawberi, beliau turut

mengusahakan tanaman buah tin. Ketika ditemui, abang kepada Hossen iaitu, **Zamhari Ediwi**, 74, memberitahu, pokok buah tin itu dibeli pada harga sekitar RM300 sepokok.

"Setakat ini, sudah ada 600 pokok buah tin yang juga hidup subur di ditanam di sini," katanya.

Mereka juga menjual produk-produk berasaskan strawberi seperti aiskrim, strawberi celup coklat dan nasi lemak sambal strawberi.

Anak sulung Muhammad Hossen, **Ahmad Hishamudin**, 42, berkata, semua produk ini dijual pada waktu hujung minggu, cuti kelepasan am dan cuti persekolahan.

"Semua produk ini adalah buatan sendiri yang dibuat di rumah sebelum dijual di kedai yang terdapat di ladang.

"Harga bagi sebatang aiskrim Malaysia ialah RM1.50, strawberi celup coklat RM3.50 manakala nasi lemak sambal strawberi berharga RM3," ujarinya.



AHMAD HISHAMUDIN

LALUAN masuk ke Jentayu Strawberry Farm.



Strawberi boleh hidup di tanah rendah

POKOK strawberi berkemampuan untuk menghasilkan buah berkualiti tinggi meskipun pengusahanya memilih untuk menanam pokok itu di kawasan rendah.

Saintis Pusat Penyelidikan Hortikultur Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Mohamad Hafefi Basir berkata, namun begitu, ia turut didorong oleh faktor penjagaan, amalan agronomi dan kawasan persekitaran untuk memastikan pengeluaran hasilnya yang lebih baik.

“Strawberi merupakan

sejenis pokok daripada keluarga *Rosaceaea* dan kebanyakannya sesuai ditanam di kawasan beriklim sederhana pada suhu antara 15 hingga 25 darjah Celcius.

“Namun begitu, terdapat juga kepelbagaian tanaman strawberi yang menunjukkan kesesuaian untuk mengeluarkan hasil yang baik pada suhu lebih tinggi sekitar 25 hingga 30 darjah Celcius,” katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau



MOHAMAD HAFEFI

memberitahu, beberapa variasi strawberi yang tahan panas ialah jenis Royal 80, Japanese Sweet Charlie dan Royal Albion namun hasil yang dikeluarkan agak terhad.

Katanya, pokok strawberi cenderung untuk mengeluarkan anak sulurnya ketika berada dalam cuaca panas ditambah dengan faktor seperti sistem penanaman itu sendiri yang membolehkan buahnya dapat dihasilkan di kawasan tropika.

“Teknologi *rootzone cooling* dan

teknik pencahayaan yang lengkap selain faktor kawasan persekitaran turut mempengaruhi kesuburan pokok,” ujarnya.

Pada masa sama, baja juga merupakan elemen penting dalam memastikan kesuburan dan keperluan nutrien yang mencukupi untuk membolehkan pokok strawberi dapat berbuah dengan baik.

“Kawasan bukit dan tropika yang mempunyai suhu antara 18 hingga 28 darjah Celcius menjadi faktor strawberi dapat mengeluarkan hasil dengan dibantu kelembapan udara relatif yang sesuai sekitar 40 ke 70 peratus,” jelasnya.